

Muhyiddin Tiba Di Kedah Untuk Lawatan Sehari
Bernama
24 Aug, 2013

ALOR SETAR, 24 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Kedah.

Beliau tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini kira-kira 11 pagi dari Bangkok, Thailand selepas mengakhiri lawatan di negara jiran itu.

Muhyiddin diiringi isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Majlis pertama beliau di negeri ini adalah merasmikan Hari Koperasi Negara 2013 di Dataran Bandar Darul Aman, Jitra.

Beliau kemudian akan menghadiri majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah di Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972337>